



MyHeart mudahkan diaspora berkhidmat di tanah air, beroperasi bulan depan

Februari 15, 2023 @ 9:24pm



BH
ONLINE

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berucap pada Majlis Minum Petang bersama Diaspora Malaysia di Thailand, baru-baru ini. - Foto fail BERNAMA

Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan, platform itu merangkumi peluang pekerjaan, maklumat pasaran kerja, pendidikan untuk anak serta memudah cara permit masuk pasangan dan anak bukan warga negara.

"Antara sebab utama pembangunan inisiatif ini adalah untuk menyediakan platform sehenti yang menghubungkan diaspora dengan tanah air," menurut KSM dalam jawapan bertulis yang disiarkan di laman sesawang Parlimen, hari ini.

Ia bagi menjawab soalan Tan Kok Wai (PH-Cheras), mengenai strategi, insentif dan pencapaian terkini kerajaan dalam manarik bakat asing bagi memenuhi keperluan pembangunan setiap bidang serta memberi isyarat kepada rakyat Malaysia yang berbakat untuk pulang dan berkhidmat kepada negara.

Menurut KSM, berdasarkan hasil dapatan kaji selidik yang dilaksanakan dalam kalangan diaspora Malaysia pada awal 2021, sebanyak 92 peratus daripada mereka bersedia untuk menyumbang kepada negara dalam pelbagai kapasiti, manakala 85 peratus berhasrat kembali ke Malaysia pada masa akan datang.

Kementerian itu memaklumkan, sejak 2011, lebih 10,000 permohonan daripada diaspora Malaysia diterima TalentCorp untuk kembali bekerja di tanah air di bawah Program Kepulangan Pakar.

Daripada jumlah itu, lebih 6,000 pakar diluluskan untuk kembali di bawah program itu. – BERNAMA